

23 negara disekat masuk

Kuala Lumpur: Kerajaan semalam menyenaraikan 23 negara disekat memasuki Malaysia kerana mencatat kes positif COVID-19 melebihi 150,000 kes.

Negara itu adalah Amerika Syarikat, Brazil, India, Russia, Peru, Colombia, Afrika Selatan, Mexico, Sepanyol, Argentina, Chile, Iran, United Kingdom, Bangladesh, Arab Saudi, Pakistan, Perancis, Turki, Itali, Jerman, Iraq, Filipina dan Indonesia.

Menerusi Facebook Jabatan Imigresen Malaysia, sekatan kemasukan ke Malaysia bagi pemegang Pas Lawatan Jangka Panjang itu berkuat kuasa semalam.

Minggu lalu, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kerajaan akan menambah senarai negara dianggap berisiko tinggi.

“Kecuali jika kes membabitkan kecemasan atau urusan berkaitan

hubungan dua negara. Bagaimanapun, ia perlu mendapat kebenaran Jabatan Imigresen,” katanya.

Sekatan itu, merangkumi enam kategori, iaitu mereka berstatus pemastautin tetap (PR), Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H), ekspatriat termasuk pemegang pas lawatan profesional (PVP) dan pemegang pas residen.

Turut disekat ialah pasangan kepada warganegara Malaysia dan anak mereka serta pelajar dari ketiga-ketiga negara berkenaan yang ingin kembali ke Malaysia.

Kerajaan bagaimanapun, tiada halangan untuk membenarkan rakyat Malaysia dari negara berisiko tinggi pulang, namun mereka tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan iaitu kuarantin wajib 14 hari.